

## **SYAHDUNYA AZAN KEMBALI BERGEMA DARI HAGIA SOPHIA**

Oleh: Muhammad Taqiyuddin bin Muhamad Sabri, 1171290,  
Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

*Disiarkan pada 23 Ogos 2020*



*Pemandangan dari luar Hagia Sophia.*

Permulaan tahun 44 Hijrah menjadi detik yang paling diingati apabila Abu Ayub Al-Ansari persaudaraan Rasulullah SAW tatkala hijrah telah melancarkan serangan di Konstantinopel.

Serangan yang bertali arus tersebut dilancarkan untuk membuktikan kebenaran kata-kata Rasulullah SAW dalam sebuah hadis yang bermaksud, “Sesungguhnya kota Konstantinopel akan dibebaskan, sebaik-baik pemimpin adalah pimpinannya dan sebaik-baik tentera adalah tenteranya.” (Riwayat Imam Ahmad)

Namun, Abu Ayub syahid dalam peperangan tersebut dan menyebabkan para sahabat berikrar untuk menyambung legasi perjuangan beliau bagi menakluk kota itu.

Jasad beliau disemadikan di hadapan kubu kota bagi memenuhi wasiatnya yang ingin mendengar telapak kaki penakluk kota Konstantinopel pada satu masa nanti.

Siri serangan yang tidak putus kemudian telah disambung oleh para khalifah Islam selepas itu.

Hal ini berlanjutan sehingga zaman Sultan Murad.

Baginda hampir berjaya menawan Konstantinopel. Namun, bala tentera yang berada di negara sendiri terlalu sedikit menyebabkan musuh bersepakat ingin menyerang kawasan pentadbiran Sultan Murad ketika itu.

Sultan Murad kemudian membuat keputusan untuk membatalkan serangan di Konstantinopel dan kembali mempertahankan negerinya.

Pada 29 Mei 1453, Sultan Muhammad Al-Fateh, anakanda Sultan Murad telah berjaya menakluki Konstantinopel.

Penduduk kota itu menggeletar kerana menyangka mereka akan dihukum sebagaimana umat Islam diperlakukan sewaktu tentera Kristian menjajah kota Islam.

Umat Islam ketika itu diperkosa, didera dan dibunuh dengan tusukan tombak dan pelbagai lagi perbuatan tidak berperikemanusiaan.

Apa yang dibimbangkan penduduk kota Konstantinopel tidak berlaku. Sebaliknya, Sultan Muhammad Al-Fateh memberitahu semua penduduk bahawa nyawa mereka akan dijamin sehingga keluar dari kota dan sesiapa sahaja yang ingin masuk Islam akan diterima syahadahnya.



*Pelajar Fakulti Quran Sunnah di Hagia Sophia ketika membuat latihan industri.*

Kebaikan yang ditunjukkan oleh Sultan Muhammad Al-Fateh telah menarik berduyun-duyun manusia memeluk agama Islam.

Peristiwa itu sekali gus membuktikan dakwaan kononnya Islam ditegakkan dengan mata pedang adalah tidak benar sama sekali.

Sultan Muhammad Al-Fateh telah membeli Hagia Sophia dengan wang simpanan baginda sendiri. Status gereja juga diubah kepada masjid.

Baginda seterusnya mewakafkan masjid tersebut untuk seluruh umat Islam sehingga hari kiamat. Ini secara tidak langsung menepis dakwaan kononnya Hagia Sophia dimiliki kerajaan Turki.

Namun, Presiden Turki yang pertama, Mustafa Kemal Ataturk telah mengubah membuang sistem pemerintahan Islam dan menggantikan dengan sistem sekular Barat.

Hagia Sophia atau Aya Sophia dalam bahasa Turki turut ditukar statusnya menjadi sebuah muzium.

Mujurlah, Presiden Turki ketika ini, Recep Tayyip Erdogan yang kuat semangat Islamnya telah mengembalikan status Hagia Sophia menjadi sebuah masjid.

Walaupun tindakan beliau itu dibantah oleh pemimpin-pemimpin negara Barat dan Paus Francis bersedih dengan perkembangan tersebut, Erdogan tetap tidak berganjak dengan keputusannya.

Malah, Erdogan menyifatkan langkah itu sebagai permulaan terhadap usaha membebaskan Palestin daripada cengkaman rejim Zionis Israel.

Hasil keteguhan kerajaan Turki mempertahankan Islam, laungan azan yang menyeru umat Islam untuk menunaikan solat Jumaat kembali berkumandang di kawasan sekitar Hagia Sophia selepas 86 tahun 'didiamkan' oleh Ataturk.



*Bahagian dalam Hagia Sophia.*